



Jabatan Perangkaan  
M A L A Y S I A

## KENYATAAN MEDIA ANALISIS DATA RAYA:

### **STATISTIK KEMALANGAN DAN PENYAKIT PEKERJAAN NEGARA 2021**

#### **KADAR KEMALANGAN PEKERJAAN NEGARA MENURUN 0.75 MATA KEPADA 1.43 PADA 2021**

**PUTRAJAYA, 30 JUN 2022** – Jabatan Perangkaan Malaysia pada hari ini telah menerbitkan Analisis Data Raya: Statistik Kemalangan dan Penyakit Pekerjaan Negara 2021. Analisis Data Raya ini memaparkan statistik kadar kecederaan pekerjaan yang diperincikan mengikut jenis kemalangan dan kecederaan, punca kemalangan, industri dan negeri bagi tahun 2021. Statistik ini adalah berdasarkan data kemalangan pekerjaan yang disediakan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Kementerian Sumber Manusia. Statistik ini amat penting untuk menilai sejauh mana sesuatu tempat pekerjaan dan persekitaran kerja itu selamat dan terjamin.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Walaupun objektif utama statistik kemalangan pekerjaan adalah memberikan maklumat untuk tujuan pencegahan, ia juga boleh digunakan untuk tujuan lain, seperti menganggarkan akibat kemalangan pekerjaan dari segi kehilangan hari bekerja, kehilangan pendapatan atau kehilangan pengeluaran, yang seterusnya boleh meningkatkan kesedaran tentang kepentingan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Selain itu, statistik ini juga penting dalam menggunakan Agenda Pembangunan Mampan 2030 dan mencapai sasaran khususnya sasaran 8.8 yang memberi tumpuan kepada perlindungan hak-hak pekerja dan menggalakkan persekitaran kerja yang selamat dan terjamin untuk semua pekerja".

Mengulas mengenai Statistik Kemalangan Pekerjaan Negara 2021, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Bagi tahun 2021, jumlah kecederaan pekerjaan yang direkodkan adalah sebanyak 21,534 kes, menurun 34.09 peratus daripada 32,674 kes yang direkodkan pada tahun 2020. Penurunan kes ini telah mendorong kadar kecederaan pekerjaan bagi setiap 1,000 pekerja pada 2021 menurun 0.75 mata kepada 1.43 (2020 = 2.18). Laporan menunjukkan jumlah kematian akibat kemalangan pekerjaan menurun sebanyak 11 kes kepada 301 pada 2021 berbanding 312 pada tahun 2020, menjadikan kadar kecederaan maut pekerjaan bagi setiap

100,000 pekerja turun kepada 2.00 pada 2021 berbanding 2.09 pada tahun sebelumnya".

Mengulas lanjut mengenai Statistik Kemalangan Pekerjaan Negara 2021, Ketua Perangkawan berkata "Berdasarkan analisis yang telah dibuat, sasaran Kerajaan bagi mencapai pengurangan kadar kecederaan pekerjaan kepada 2.53 dan kadar kecederaan maut 4.36 pada tahun 2021 telah dicapai secara keseluruhannya. Antara faktor utama yang menyumbang kepada penurunan statistik ini berikutan kebanyakan sektor ekonomi yang terpaksa ditutup sementara manakala yang lain beroperasi dalam tempoh yang lebih singkat bagi membendung penularan wabak COVID-19. Statistik suku tahunan bagi bilangan kecederaan pekerjaan menunjukkan penurunan ketara pada suku tahunan ketiga 2021 dan suku tahunan keempat 2021 iaitu 57.1 peratus dan 43.7 peratus selari dengan nilai Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan Produktiviti Buruh pada tempoh rujukan yang kekal rendah berbanding tempoh sebelum pandemik pada suku keempat 2019".

Terdapat peningkatan statistik kecederaan pekerjaan dan kecederaan maut pekerjaan pada tahun 2021 yang dicatatkan di negara lain seperti Jepun dan Singapura. Kadar kecederaan pekerjaan bagi setiap 1,000 pekerja di Jepun naik kepada 2.77 pada 2021 daripada 2.44 pada 2020, manakala kadar kecederaan maut pekerjaan turut meningkat kepada 1.60 pada 2021 (2020: 1.49). Begitu juga dengan Singapura yang menunjukkan trend kadar kecederaan pekerjaan yang lebih tinggi apabila mencatatkan 3.87 kecederaan pada 2021 berbanding 3.44 pada tahun sebelumnya. Kadar kecederaan maut pekerjaan di Singapura turut menunjukkan peningkatan sebanyak 0.2 mata kepada 1.10 pada 2021 berbanding 0.90 pada 2020.

Secara keseluruhannya, semua negeri di Malaysia merekodkan jumlah dan kadar kecederaan pekerjaan yang lebih rendah berbanding tahun sebelumnya kecuali bagi Perlis yang mencatat peningkatan 0.49 mata kepada 1.64. Walaupun begitu, lapan (8) negeri telah merekodkan kadar kecederaan pekerjaan yang lebih tinggi berbanding kadar kecederaan pekerjaan negara (1.43) iaitu Johor (3.11), Melaka (2.03), Pulau Pinang (1.99), Perak (1.92), Negeri Sembilan (1.89), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (1.76), Perlis (1.64) dan Pahang (1.53). Sementara itu, Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan dan Kelantan masing-masing merekodkan kadar kecederaan pekerjaan terendah di antara negeri-negeri pada 0.31, 0.41 dan 0.43. Bagi rekod kecederaan maut pekerjaan pula, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya telah mencatatkan kadar kecederaan maut pekerjaan tertinggi iaitu 4.28 bagi setiap 100,000 pekerja, diikuti Johor (3.23), Negeri Sembilan (2.99), Sarawak (2.74) dan Pahang (2.69). Selain itu, Perlis dan Wilayah Persekutuan Labuan pula masih kekal dengan rekod tanpa kecederaan maut pekerjaan sejak 2020.

Ketua Perangkawan menambah "Statistik kecederaan pekerjaan dan kecederaan maut pekerjaan akibat kemalangan pekerjaan berdasarkan latar belakang demografi menunjukkan sebahagian besar kes adalah melibatkan lelaki. Pada tahun 2021, 85.3

peratus daripada jumlah keseluruhan kecederaan dan 97.0 peratus daripada jumlah kecederaan maut pekerjaan adalah lelaki, iaitu peratusan komposisi yang sama pada tahun-tahun sebelumnya. Sementara itu mengikut kewarganegaraan pula, 17,302 (80.3%) kes kecederaan pekerjaan adalah melibatkan pekerja warganegara dan selebihnya berjumlah 4,232 (19.7%) kes pula melibatkan pekerja bukan warganegara".

Statistik menunjukkan komposisi kecederaan pekerjaan adalah seiring dengan struktur penduduk bekerja mengikut kumpulan umur. Lebih kurang 73.7 peratus atau 15,868 kes kecederaan pekerjaan melibatkan pekerja di bawah umur 45 tahun. Kadar kecederaan pekerjaan tertinggi pula dicatat dalam kalangan remaja berusia 20-24 tahun pada 1.60 dan diikuti pekerja berusia 30-34 dan 40-44 tahun pada 1.47 dan 1.45 bagi setiap 1,000 pekerja. Manakala, statistik kecederaan maut pekerjaan menunjukkan pekerja berusia 50-54 tahun mencatatkan kadar kecederaan maut tertinggi iaitu 2.64.


Jabatan Perangkaan Malaysia turut melaporkan, daripada perspektif industri mengikut klasifikasi sektor Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514), jumlah kecederaan pekerjaan 2021 tertinggi direkodkan dalam industri Pembuatan dengan 7,994 kes, diikuti Perkhidmatan (4,299 kes), Pembinaan (2,297 kes) dan Perdagangan Borong dan Runcit (1,979 kes). Bilangan kecederaan pekerjaan menunjukkan trend penurunan bagi semua sektor berbanding tahun sebelumnya kecuali Perlombongan dan Kuari. Bagi kadar kecederaan pekerjaan 2021, sektor Pembuatan merekodkan kadar tertinggi iaitu 3.20 kes bagi setiap 1,000 pekerja, diikuti dengan Pembinaan (1.98) dan Utiliti (1.95). Sementara itu, industri Hotel dan Restoran pula mencatatkan kadar kecederaan pekerjaan terendah iaitu 0.18. Hanya sektor Perlombongan dan Kuari mencatatkan peningkatan kepada 1.90 pada 2021 berbanding 1.48 pada tahun sebelumnya. Perincian turut menunjukkan bahawa semua sektor merekodkan penurunan kadar kecederaan maut pekerjaan pada 2021 kecuali bagi sektor Perlombongan dan Kuari (2021: 10.98; 2020: 3.65), Utiliti (2021: 4.90; 2020: 1.87), Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi (2021: 4.26; 2020: 1.42) dan Kewangan, Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan (2021: 2.78; 2020: 1.56). Perlombongan dan Kuari menjadi sektor yang paling berisiko tinggi bagi kecederaan maut pekerjaan apabila mencatatkan kadar pada 10.98 bagi setiap 100,000 pekerja (9 kes).

Berdasarkan pemerhatian terhadap punca kecederaan pekerjaan, sebanyak 60.8 peratus kecederaan pekerjaan disebabkan oleh tiga (3) jenis kemalangan iaitu Memijak, Terlanggar atau Terkena Objek termasuk Objek yang Jatuh (5,330 kecederaan, 109 kematian), Jatuh (4,094 kecederaan, 95 kematian), dan Lain-lain Jenis Kemalangan yang Tidak Dikelaskan (3,661 kecederaan, 0 kematian). Majoriti kemalangan tersebut adalah disebabkan oleh Persekutuan Pekerjaan (10,412 kes), Peralatan Pengangkutan dan Angkat (3,129 kes), dan Jentera (2,222 kes).


Statistik menunjukkan sebanyak 5,289 jumlah kes Penyakit Pekerjaan telah disahkan oleh JKPP pada tahun 2021. Antara tiga (3) kategori Penyakit Pekerjaan yang tertinggi ialah Gangguan Pendengaran Akibat Bunyi Bising Pekerjaan sebanyak 3,648 kes, Penyakit Pekerjaan yang disebabkan Agen Biologi (1,350 kes) dan Gangguan Muskuloskeletal Pekerjaan (201 kes). Manakala Penyakit Pekerjaan yang terendah masing-masing adalah Penyakit Pekerjaan yang disebabkan oleh Agen Fizikal (2 kes), Gangguan Psikiatrik Pekerjaan (1 kes) dan Kanser Pekerjaan (1 kes).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.


Carta 1: Bilangan dan Kadar Kecederaan Pekerjaan dan Kecederaan Maut Pekerjaan Tahunan, 2012-2021




Paparan 1: Kecederaan Pekerjaan dan Kecederaan Maut Pekerjaan mengikut Negeri, 2021




Carta 2: Kadar Kecederaan Pekerjaan mengikut Kumpulan Umur (setiap 1,000 pekerja), 2021



**Carta 3: Bilangan dan Kadar Kecederaan Pekerjaan dan Kecederaan Maut Pekerjaan mengikut Sektor Akta 514, 2021**




**Paparan 2: Bilangan Kecederaan Pekerjaan mengikut Jenis Kemalangan dan Penyebab Kemalangan, 2021**



### PENYEBAB KEMALANGAN (AGEN)



Carta 4: Penyakit Pekerjaan Mengikut Kategori Penyakit, 2021



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**30 JUN 2022**



Department of Statistics  
M A L A Y S I A

**MEDIA STATEMENT**  
**BIG DATA ANALYTICS:**  
**NATIONAL OCCUPATIONAL ACCIDENT AND DISEASE STATISTICS 2021**

---

**NATIONAL OCCUPATIONAL ACCIDENT RATE DECREASED BY 0.75 POINTS  
TO 1.43 IN 2021**

**PUTRAJAYA, 30 JUNE 2021 –** The Department of Statistics Malaysia, today released Big Data Analytics: National Occupational Accident and Disease Statistics 2021. The Big Data Analytics present statistics on occupational injuries rates detailing the type of accidents and injuries, cause of the accident, industry and states for the year 2021. These statistics are based on occupational accident data provided by the Department of Occupational Safety and Health (DOSH) and Social Security Organisation (SOCSO), Ministry of Human Resources. These statistics are crucial to assess on how safe and secure the workplace and working environments.

According to Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “Although the main objective of occupational accidents statistics is to provide information for prevention purposes, they may also be used for other purposes, such as estimating the consequences of occupational injuries in terms of workdays lost, income lost or production lost, which in turn can raise awareness of the importance of occupational safety and health. Apart from that, these statistics are also important in adopting the 2030 Agenda for Sustainable Development Goal and to achieve its target particularly target 8.8 which focused on the protection of labour rights and promote safe and secure working environments for all workers”.

Commenting on the National Occupational Accident Statistics 2021, Chief Statistician Malaysia, said “For 2021, the total number of occupational injuries recorded was 21,534 cases, decreased 34.09 per cent from 32,674 cases recorded in 2020. The reduction in cases drove the employment accident rate per 1,000 workers in 2021 to decrease by 0.75 percentage points to 1.43 (2020=2.18). The report showed that the number of death from occupational accidents reduced by 11 cases to 301 in 2021 compared to 312 in 2020, bringing the occupational accident fatality rate per 100,000 workers dropped to 2.00 in 2021 compared to 2.09 in the previous year”.

*Commenting further on the National Occupational Accident Statistics 2021, Chief Statistician said “Based on the analysis done, the Government’s target to reduce the occupational accident rate to 2.53 and the death rate of 4.36 by 2021 was achieved. One of the main factor that contributed for the decrease in this figure was that most sectors of the economy had to be temporarily closed while others operate for a shorter amount of time to prevent the spread of the disease. Quarterly statistics for occupational accidents showed a significant decrease of 57.1 percent and 43.7 percent in the third and fourth quarters of 2021, respectively, in accordance with the value of Gross Domestic Product (GDP) and Labour Productivity in the reference period, which remained low compared to the pre-pandemic period in the fourth quarter of 2019.”.*

*In 2021, Japan and Singapore had an increase in occupational accidents and fatalities due to accidents. In Japan, the rate of occupational accidents per 1,000 employees increased to 2.77 in 2021 from 2.44 in 2020, while the rate of occupational accident deaths increased to 1.60 in 2021 from 1.49 in 2020. Meanwhile, the rate of occupational accidents and fatalities in Singapore was even higher in 2021, with 3.87 accidents recorded compared to 3.44 the previous year. Similarly, the occupational accident fatality rate in Singapore climbed by 0.2 percentage points to 1.10 from 0.90 in 2020.*

*Generally, all states in Malaysia recorded lower total and occupational accident rates compared to the previous year except for Perlis which posted an increase of 0.49 points to 1.64. However, eight (8) states recorded higher rates of occupational accidents compared to the national occupational accident rate namely Johor (3.11), Melaka (2.03), Pulau Pinang (1.99), Perak (1.92), Negeri Sembilan (1.89), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur and Putrajaya (1.76), Perlis (1.64) and Pahang (1.53). Meanwhile, Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan and Kelantan recorded the lowest occupational accident rates among the states at 0.31, 0.41 and 0.43 respectively. For the record of fatality from occupational accidents, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur and Putrajaya recorded the highest fatality rate at 4.28 per 100,000 employees, followed by Johor (3.23), Negeri Sembilan (2.99), Sarawak (2.74), Pahang (2.69) and Perak (2.49). Meanwhile, Perlis and Wilayah Persekutuan Labuan did not record any fatality from occupational accidents in 2021.*

*Chief Statistician added “Statistics of occupational accidents and deaths from occupational accidents based on demographic backgrounds show the number of cases largely involving men. In 2021, 85.3 percent of total accidents and 97.0 percent of total deaths from occupational accidents were men, which is the same percentage of composition in previous years. Meanwhile by nationality, 17,302 (80.3%) occupational accident cases involved citizen workers and the remaining 4,232 (19.7%) cases involved non-citizen workers”.*

*Statistics show the composition of occupational accidents is in line with the structure of working population according to age group. About 73.7 per cent or 15,868 cases of occupational accidents involving workers under the age of 45. The highest accident rate was recorded among youths aged 20-24 years old at 1.60 and followed by workers aged 30-34 and 40-44 years old at 1.47 and 1.47 per 1,000 workers. Meanwhile, statistics on occupational accident deaths showed that workers aged 50-54 recorded the highest fatality rate which is 2.64.*

*The Department of Statistics, Malaysia also reported, from the industry perspective according to Occupational Safety and Health Act 1994 (Act 514) sector classification, the highest number of occupational accidents for 2021 was recorded in the Manufacturing industry with 7,994 cases, followed by Services (4,299 cases), Construction (2,297 cases), and Wholesale and Retail Trade (1,979 cases). The number of occupational accidents showed a downward trend in all sectors compared to the previous year except Mining and Quarrying. For the 2021 occupational accident rate, the Manufacturing sector remained the highest at 3.20 cases per 1,000 employees, followed by Construction (1.98) and Utilities (1.95). Meanwhile, the Hotel and Restaurant industry recorded the lowest employment accident rate at 0.18. Only the Mining and Quarrying sectors registered an increase of 1.90 in 2021 compared to 1.48 in the previous year. Details also show that all sectors recorded decreases in total and fatality rates due to occupational accidents in 2021 except Mining and Quarrying (10.98 from 3.65), Utilities (4.90 from 1.87), Transport, Storage and Communication (4.26 from 1.42) and Finance, Insurance, Real Estate and Business Services (2.78 from 1.56). The Mining and Quarrying sector remained as the industry with the highest risk of occupational accident death with a recorded rate of 10.98 cases per 100,000 workers (9 cases).*

*Observing the cause of occupational accident, about 60.8 percent of occupational accidents were caused by 3 types of accidents that are, Stepping on, Striking Against or Struck by Objects including Falling Objects (5,330 accidents, 109 deaths), Falls of Persons (4,094 accidents, 95 deaths), and Other Unclassified Type of Accidents (3,661 accidents, 0 deaths). Majority of accidents are attributed by the unsafe occupational environment, transportation and transport equipment and machinery.*

*Statistics show a total of 5,289 cases for Occupational Diseases 2021. Occupational Noise-Related Hearing Disorders (3,648 instances), Disease caused by Biological Agent (1,350 cases), and Occupational Musculoskeletal Disorders are the three most common categories of Occupational Diseases (201 cases). Physical Agent-caused Diseases, Psychiatric Disorders, and Cancer each had the fewest cases which are 2 cases, 1 case, 1 case.*

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022 and the Annual Economic Survey 2022 (AES 2022) from 15th April 2022 to 30th September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for more information.

Chart 1: Annual Occupational Accident and Fatality Rate, 2012-2021







Figure 1: Occupational Accident and Fatality Rate by State, 2021




*Chart 2: Rate of Occupational Injuries by Age Group (per 1,000 workers), 2021*




*Chart 3: Occupational Injuries and Fatal Occupational Injuries by Sector Act 514, 2021*



**Figure 2: Number of Occupational Injuries by Type of Accident & Cause of Accident, 2021**



**Chart 4: Number of Occupational Disease by Disease Category, 2021**



*Released by:*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA**

**30 JUNE 2022**